

# Remaja lupa budaya sendiri taksub artis Korea

Sebut sahaja K-Pop semua orang pasti tahu. Tanyalah siapa saja. Setiap lapisan masyarakat dan umur mengenalinya. Apa yang membuatkan budaya K-Pop ini semakin menular di Malaysia dan juga di seluruh dunia?

Semestinya kerana pengaruh drama dan juga artis mereka yang cantik dan tampan membuatkan anak muda pada masa ini ingin berubah dan menjadi seperti mereka. Ramai artis K-Pop yang cukup popular pada masa kini seperti Lee Min Ho, Kim Woo Bin, Park Shin Hye, Kim Soo Hyun dan ramai lagi.

Jika kita imbas kembali era sebelum timbulnya fenomena K-Pop, masyarakat dahulu memakai pakaian tempatan dan tradisional mengikut kaum masing-masing, tapi sekarang pakaian tradisi, makanan dan adab ketimuran semakin dilupakan.

## Fenomena K-Pop landa dunia

Budaya dan fenomena K-Pop ini bukan saja berlaku di Asia sahaja, tetapi di seluruh dunia, bahkan fenomena ini juga telah merebak hingga ke Amerika Syarikat dan negara Barat yang lain.

Golongan muda pada hari ini tidak kisah berhabis duit hanya kerana mahu meniru gaya, stail percakapan, tingkah laku dan belajar budaya mereka. Begitulah kuatnya pengaruh K-Pop dalam masyarakat.

Mereka juga sanggup menghabiskan separuh gaji untuk dibelanjakan membeli pakaian dan membuat stail rambut ala K-Pop sehingga sudah ada segelintir remaja tidak mahu lagi mengamalkan adab dan cara ketimuran. Mereka anggap budaya ketimuran sudah lapuk dan ketinggalan zaman.

lan zaman.

Apa yang mereka mahu adalah menjadi seperti mereka, sebagai contoh kita dapat lihat pengaruh K-Pop dalam masyarakat kita. Fesyen di kedai juga lebih tertumpu ala K-Pop.

Bagi mereka ia suatu kepuasan menjadi seperti artis kegemaran. Di samping itu, jika artis K-Pop

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my).

“  
Golongan muda pada hari ini tidak kisah berhabis duit hanya kerana **mahu meniru gaya, stail percakapan, tingkah laku dan belajar budaya mereka**. Begitulah kuatnya pengaruh K-Pop dalam masyarakat”



Remaja masa kini tidak kisah berhabis duit untuk meniru gaya artis K-Pop.

[GAMBAR HIASAN]

datang buat konsert atau berjumpa peminat, mereka sanggup tunggu dan beli tiket yang agak mahal.

## Populariti 'Running Man'

Bahkan ada juga yang bercita-cita mahu menetap dan hidup di Korea kerana lebih dekat dengan artis kesayangan mereka. Cita rasa golongan remaja pada hari ini telah berubah, mereka lebih memilih mengikut fesyen dan budaya asing daripada budaya sendiri.

Sekarang ini sebuah rancangan

realiti televisyen iaitu 'Running Man' menjadi fenomena baru masyarakat apabila populariti rancangan itu setanding dengan drama dan juga muzik K-Pop.

Populariti rancangan itu melonjak apabila mereka melakukan kelainan dengan pengacara dan juga ahli terbabit dalam permainan yang mereka sertai.

Tidak salah untuk kita mengikuti peredaran zaman dan juga fesyen terkini, bahkan penambahbaikan atau pembaharuan adalah lebih

elok untuk memamatkan dan membangunkan bangsa daripada ketinggalan daripada arus kemajuan teknologi dan dunia yang serba canggih ini.

Cuma, kita haruslah mengikut ketetapan yang telah ditetapkan syarak dan tidak terbawa-bawa dengan budaya luar sedangkan budaya dan asal usul sendiri adalah lebih baik.

**Faizal bin Hussein**  
Universiti Sains Islam Malaysia